

SIARAN MEDIA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (KPD) KALI KE-81

09 Jun 2016- Bertempat di Hotel Kuala Lumpur International, Kg Baru, Kuala Lumpur, telah berlangsung Majlis Perasmian Mesyuarat Agung (AGM) Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad (KPD) kali ke-81. Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Abu Bakar merangkap Yang DiPertua Koperasi Polis hadir merasmikan AGM kali ini yang diadakan di dalam kemuliaan bulan Ramadhan sambil diiringi Timbalan Ketua Polis Negara, merangkap Timbalan Yang DiPertua Koperasi Polis, YDH Tan Sri Noor Rashid bin Ibrahim.

Pengerusi KPD, Yang Berbahagia Dato' Sri Syed Ismail bin Dato' Haji Syed Azizan dalam ucapannya semasa Perasmian AGM mengalu-alukan kehadiran YDH IG dan YDH DIG serta melaporkan Prestasi Kewangan 2015 Koperasi Polis. Tahun 2015, Koperasi Polis telah mencatatkan keuntungan RM42.1 juta hasil dari pendapatan kendalian sebanyak RM70.3 juta.

KPD kini giat berunding dan mencari rakan kerjasama strategik bagi mencari peluang untuk menceburi sebarang aktiviti baru yang berdaya maju demi mengembangkan rangkaian nilai yang akan memberikan kesejahteraan dan manfaat keahlian yang bernilai dan akan dihargai oleh semua ahli (kini keahlian KPD berjumlah hampir 85,000 orang dan berada di tempat keempat senarai koperasi paling ramai keahlian dan kedudukan ke-10 koperasi terbaik seluruh negara mengikut SKM).

Turut hadir pada AGM ini adalah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Pengarah-pengarah PDRM Bukit Aman, Pengarah-pengarah anak syarikat Koperasi Polis bersama perwakilan (Ahli Jawatankecil Daerah Koperasi) seramai 338 orang dari seluruh negara.

Dalam ucapan perasmian, IGP melahirkan rasa gembira atas kejayaan KPD membantu anggota PDRM dari segi kewangan, perlindungan insurans dan perancangan masa depan kewangan yang baik dan terjamin. Beliau juga melahirkan hasrat untuk melihat dan menjadikan KPD sebuah organisasi Koperasi terunggul yang boleh menjadi contoh dan kebanggaan negara.

Justeru, beliau menyarankan KPD lebih berani, proaktif serta bijak mencari peluang mengembangkan aktiviti di samping membuat penambahbaikan yang lebih efisien terutama dari aspek kualiti perkhidmatan kepada anggota agar selaras dengan perkembangan pesat dunia masa kini. Salah satunya dengan mempelbagaikan produk dan servis yang ditawarkan.

Langkah demi langkah juga telah diatur untuk menyusun kembali pengurusan dan organisasi serta hala tuju sebagai satu proses tranformasi bagi memperkukuhkan KPD agar menjadi sebuah institusi yang lebih berdaya saing dan mampu bertahan di dalam industri untuk tempoh yang panjang.

Majlis dilengkapi dengan acara pemberian pampasan insurans kepada waris anggota yang ditimpa kemalangan (3 penerima), penyampaian Anugerah Kesetiaan (3 penerima), penyampaian cenderahati kepada beberapa syarikat (Sterling Insurance Brokers Sdn Bhd, BKSC Properties Sdn Bhd, KOP Mantap Bhd), sumbangan derma dari KPD kepada Tabung Kebajikan PDRM dan PERKEP serta pelancaran KPD Mall.

Oleh :-

*Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad
Caw. Pentadbiran Umum
Tingkat 10, Bangunan Koperasi Polis
No.1, Jalan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur*

Tel : 03-22608810/22608808

Fax :03-22749782

Email : info@kpd.com.my

Web : www.kpd.com.my

06hb Jun 2016